31 Disember 2018
31 December 2018
P.U. (B) 750

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 60

NOTIFICATION UNDER SECTION 60

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA SENJATA 1960

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 60

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 60 Akta Senjata 1960 [*Akta 206*], Menteri mengecualikan—

(a) setiap pegawai kastam yang hak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kastam 1967 [*Akta 235*] yang mengikuti kursus yang melibatkan penggunaan senjata dan amunisi di Akademi Kastam Diraja Malaysia daripada pemakaian subseksyen 3(2) Akta berkenaan dengan senjata dan amunisi yang digunakan bagi maksud kursus itu, tertakluk kepada syarat yang berikut:

(i) bahawa terdapat lesen senjata yang berkuat kuasa, berkenaan dengan senjata dan amunisi itu, yang telah diberikan kepada Pengarah Kastam dan Eksais atau mana-mana pegawai kanan kastam yang ditugaskan di Akademi Kastam Diraja Malaysia; dan

(ii) bahawa senjata dan amunisi itu dibawa atau digunakan bagi maksud kursus itu dan diletakkan di bawah pengawasan seorang jurulatih senjata yang diambil bertugas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia;

(b) setiap pegawai kastam yang hak sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Kastam 1967, yang menjalankan tugas di Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia daripada pemakaian subseksyen 3(2) Akta berkenaan dengan senjata dan amunisi yang dimaksudkan semata-mata bagi maksud tugas penguatkuasaan, tertakluk kepada syarat yang berikut:

(i) bahawa terdapat lesen senjata yang berkuat kuasa, berkenaan dengan senjata dan amunisi itu, yang telah diberikan kepada Ketua Pengarah Kastam dan Eksais, Pengarah Kastam dan Eksais atau mana-mana pegawai kanan kastam; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(ii) bahawa semasa membawa atau menggunakan senjata dan amunisi itu, pegawai berkenaan hendaklah membawa bersamanya suatu kebenaran bertulis untuk membawa atau menggunakan senjata dan amunisi itu, yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam dan Eksais, Pengarah Kastam dan Eksais atau pegawai kanan kastam yang memegang lesen senjata berkenaan dengan senjata dan amunisi itu; dan

(c) Ketua Pengarah Kastam dan Eksais, Pengarah Kastam dan Eksais dan pegawai kanan kastam yang memegang lesen senjata di bawah Akta ini daripada pemakaian perenggan 5(1)*(a)* dan *(b)* Akta berkenaan dengan senjata yang digunakan bagi maksud tugas penguatkuasaan dan latihan.

Pembatalan

2. Pemberitahuan yang berikut dibatalkan:

(a) Pengecualian di bawah Seksyen 51 [*P.U. (B) 108/1973*];

(b) Pengecualian di bawah Seksyen 60 [*P.U. (B) 710/1988*];

(c) Pengecualian di bawah Seksyen 60 [*P.U. (B) 117/2003*];

(d) Pengecualian di bawah Seksyen 60 [*P.U. (B) 182/2011*]; dan

(e) Pemberitahuan di bawah Seksyen 60 [*P.U. (B) 180/2017*].

Bertarikh 25 Disember 2018
[KDN.R.14/848/2/3Klt.4; PN(PU2)251/VII]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Menteri Dalam Negeri

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

ARMS ACT 1960

NOTIFICATION UNDER SECTION 60

IN exercise of the powers conferred by section 60 of the Arms Act 1960 [*Act 206*], the Minister exempts—

(a) every proper officer of customs as defined in the Customs Act 1967 [*Act 235*] who is undergoing a course involving the use of arms and ammunition at the Royal Malaysian Customs Academy from the application of subsection 3(2) of the Act in respect of arms and ammunition used for the purpose of the course, subject to the following conditions:

(i) that there is in force an arms license, in respect of the arms and ammunition, granted to the Director of Customs and Excise or any senior officer of customs who is assigned for duties in the Royal Malaysian Customs Academy; and

(ii) that the arms and ammunition are carried or used for the purpose of the course and put under the supervision of an arms instructor engaged by Royal Malaysian Customs Department;

(b) every proper officer of customs as defined in the Customs Act 1967 carrying out duties in the Enforcement Division in the Royal Malaysian Customs Department from the application of subsection 3(2) of the Act in respect of arms and ammunition intended solely for the purpose of enforcement duties, subject to the following conditions:

(i) that there is in force an arms licence, in respect of the arms and ammunition, granted to the Director General of Customs and Excise, the Director of Customs and Excise or any senior officer of customs; and

(ii) that while carrying or using the arms and ammunition, the officer concerned shall carry on his person a written permission to carry or

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

use the arms and ammunition, issued by the Director General of Customs and Excise, the Director of Customs and Excise or the senior officer of customs holding the arms licence in respect of the arms and ammunition; and

(c) the Director General of Customs and Excise, Director of Customs and Excise and the senior officer of customs holding an arms license under this Act from the application of paragraphs 5(1)*(a)* and *(b)* of the Act in respect of firearms used for the purpose of enforcement duties and training.

Revocation

2. The following notifications are revoked:

(a) the Exemption under Section 51 [*P.U. (B) 108/1973*];

(b) the Exemption under Section 60 [*P.U. (B) 710/1988*];

(c) the Exemption under Section 60 [*P.U. (B) 117/2003*];

(d) the Exemption under Section 60 [*P.U. (B) 182/2011*]; and

(e) the Notification under Section 60 [*P.U. (B) 180/2017*].

Dated 25 December 2018
[KDN.R.14/848/2/3Klt.4; PN(PU2)251/VII]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Minister of Home Affairs

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia